

Kerajaan awasi peng

BH 24 SEP 2000

Oleh NORFATIMAH AHMAD

BUTTERWORTH: Kerajaan tidak akan membiarkan sesiapa menghasut anggota pasukan keselamatan supaya tidak setia kepada kerajaan, raja dan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya dapati ada usaha sesetengah pihak cuba menghasut tentera supaya tidak patuh arahan kerajaan," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, tindakan menghasut itu sebagai cubaan mengkhianati amanah yang diletakkan kepada pasukan keselamatan untuk menjaga keamanan dan kedaulatan negara.

"Jika pasukan keselamatan tidak setia kepada kerajaan dan negara, akan berlaku huru-hara yang boleh mengancam keselamatan rakyat dan negara.

"Seperti di beberapa negara lain, pasukan

keselamatan ada perbezaan pendapat sehingga mencetuskan perang saudara sesama sendiri.

"**Ta juga menjurus** kepada berlakunya pertempuran dan ini menyebabkan tugas pasukan keselamatan menjaga keselamatan kita (rakyat) sebenarnya bertukar menjadi ancaman terhadap keselamatan negara.

"Bagaimanapun, kerajaan bersyukur kerana hanya segelintir saja kalangan anggota pasukan keselamatan yang tidak setia kepada kerajaan," katanya kepada lebih 5,000 penduduk sekitar Pulau Pinang yang hadir di majlis Perdana Menteri bersama rakyat di pekarangan Wisma Perwira di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Teluk Air Tawar, dekat sini, semalam.

Perdana Menteri turut menyampaikan bantuan wang dan peralatan yang disumbangkan beberapa agensi kerajaan dan sektor swasta

pada golongan kurang mampu.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon serta isteri, Puan Sri Chui Kah Peng, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Teluk Air Tawar, Jahara A Hamid dan Pemerintah TUDM Butterworth, Brig Jeneral Abu Bakar Mohd Said.

Menurut Perdana Menteri, menerusi kesetiaan dan pengorbanan yang dipamerkan anggota pasukan keselamatan sama ada polis atau tentera, rakyat negara ini mampu hidup dalam keadaan aman.

"Jika tidak kerana tugas dan pengorbanan anggota pasukan keselamatan serta kesanggupan mereka mempertahankan keselamatan, mungkin hari ini kita tidak dapat berkumpul, sebaliknya akan hidup dalam keadaan tidak tentu arah," katanya.

hasut tentera

Beliau berkata, usaha dan pendekatan yang dilakukan Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman menerusi Perikatan yang menggabungkan parti pelbagai kaum dan diteruskan hingga kini dengan pembentukan Barisan Nasional, terbukti apabila Malaysia aman dan selamat.

"Keamanan yang dikecapi hasil pemerintahan campuran kaum menambah keyakinan kerajaan untuk lebih maju dan bercita-cita besar untuk setanding kuasa besar dunia seperti Eropah, Britain dan Amerika Syarikat.

"Ada pihak berkata, asalkan ada kerajaan, sesebuah negara itu akan maju. Kenyataan itu nyata tidak benar kerana dalam dunia ini ada 180 negara dan tidak semuanya maju.

"Contohnya Pulau Pinang, mampu maju de-

ngan kehadiran pelabur yang mengeluarkan pelbagai bahan canggih. Kenapa industri sedemikian tidak ada di Kelantan yang bekalan air pun tak cukup," katanya.

Malah, kata Dr Mahathir, lebih menyedihkan apabila rakyat terpaksa menggali telaga di tengah bandar di Kelantan untuk mendapatkan bekalan air dan keadaan ini membuktikan kerajaan negeri berkenaan tidak cekap mentadbir.

Perdana Menteri berkata, muafakat di kalangan orang Melayu mampu mengalahkan British dan seterusnya Perikatan berjaya memenangi pilihan raya pada 1955 dan mencapai kemerdekaan.

Bagaimanapun, katanya, malang sekali kerana ketika ini, hasutan Pas menyebabkan orang Melayu berpecah-belah dan menerapkan nilai buruk yang dibawa parti pembangkang itu.